

**TEKS USUL**  
**PERSIDANGAN SIDANG MUDA PULAU PINANG 2018**

**USUL MEMOHON DIADAKAN PUSAT KEGIATAN BELIA DAERAH SEBERANG  
PERAI**  
**OLEH AIN FARHANA**

Saya memohon kerajaan negeri mengadakan program khas untuk menggalakkan belia di daerah Seberang Perai menyerlahkan bakat dan membawa perubahan positif kepada masyarakat sekeliling kerana belia hari ini sering membuang masa serta melakukan aktiviti tidak berfaedah. Statistik daripada Kajian Belia Pulau Pinang mendapati bahawa sebanyak 94.78% belia di Pulau Pinang terlibat dalam tingkah laku bebas devian. Perkara ini menimbulkan kebimbangan kerana kita dapat lihat dengan jelas pada hari ini bahawa hal ini lah yang akan menyumbang kepada kegiatan tidak sihat dalam kalangan anak muda.

Berdasarkan kajian Belia Pulau Pinang, belia di Pulau Pinang melibatkan diri dalam hubungan sosial sebanyak 77.15%. Ini menunjukkan bahawa belia di Pulau Pinang mahu menjalinkan hubungan sosial dengan masyarakat dan keluarga namun mereka mungkin tiada tempat untuk menyalurkan hasrat tersebut. Sekiranya pendedahan hubungan sosial didedahkan kepada belia dengan aktiviti yang bermanfaat dan boleh meningkatkan jati diri mereka, belia mungkin tidak akan terpengaruh dengan anasir luar yang tidak sihat seperti gejala dadah dan ketum.

Saya mendapati bahawa ramai belia di daerah Pulau Pinang menggunakan media di dalam kehidupan seharian mereka dengan peratusan sebanyak 70.13.% iaitu mempunyai sedikit perbezaan jika dibandingkan dengan belia Malaysia yang hanya 68.12%. Hal ini menunjukkan bahawa jika penggunaan media sebanyak itu mampu disalurkan ke arah yang lebih bermanfaat, belia di daerah Seberang Perai akan mempunyai nilai tambah atau hobi yang boleh diketengahkan seperti 'E-sports'.

Dengan ini saya ingin mencadangkan supaya kerajaan negeri menubuhkan Pusat Kegiatan belia yang memberi fokus terhadap bidang sukan sama ada 'indoor' mahupun 'outdoor' kerana minat para belia boleh dibawa ke satu taraf yang lebih

progresif. Exco Belia dan Sukan Pulau Pinang haruslah membina pusat komuniti atau fasiliti yang kondusif bagi menarik minat para belia untuk menyerlahkan minat mereka ke saluran yang betul seterusnya mengurangkan statistik bebas tingkah laku devian kerana belia mempunyai minat yang bermanfaat selain daripada membuang masa. Kemudahan alatan sukan yang diberikan dapat digunakan oleh belia di daerah Seberang Perai. Exco sukan negeri juga boleh menyediakan latihan untuk para belia supaya sukan yang mereka ceburi dapat dinaiktaraf ke peringkat yang lebih tinggi.

Dari segi sukan 'indoor' pula saya ingin mencadangkan 'eSports' sebagai satu platform untuk anak muda mengembangkan minat mereka kerana sukan ini sudah termasuk dalam aktiviti dalam pusat kegiatan belia. 'eSports' ialah pertandingan yang melibatkan permainan video yang telah disertai oleh pemain-pemain bertaraf antarabangsa. Di Malaysia, Menteri Belia dan Sukan sendiri telah mengiktiraf 'eSports' sebagai sebuah sukan. Oleh itu tidak salah jika kita memperkenalkan sukan ini kepada anak muda di Pulau Pinang khususnya di Seberang Perai kerana mereka mungkin tidak didedahkan dengan platform sebegini.

Saya mencadangkan supaya pusat kegiatan belia di daerah Seberang Perai diselia secara berkala oleh pihak yang terlibat supaya pusat kegiatan ini dapat dikekalkan fungsinya agar generasi muda akan datang dapat menikmati kemudahan yang dibangunkan kerajaan negeri. Malah kerajaan negeri boleh merekrut graduan-graduan yang menganggur sebagai penyelia di pusat tersebut dan menyediakan elaun kepada mereka. Lantaran itu, hal ini secara tidak langsung dapat mengurangkan kadar pengangguran di Pulau Pinang. Selain itu, bagi memastikan belia di daerah Seberang Perai berminat dan mengetahui tentang kewujudan pusat kegiatan belia, kerajaan negeri boleh mewart-warkan tentang pembukaan pusat tersebut serta melakukan promosi seperti mengadakan pertandingan atau pencarian belia yang berminat untuk menyertai latihan sukan yang terdapat di pusat belia.

Secara ringkasnya pusat kegiatan belia ini menawarkan kemudahan sukan 'indoor' serta 'outdoor' kepada para belia supaya dapat mengisi masa lapang serta dapat membantu mereka meningkatkan kemahiran minat masing-masing. Sebagai contoh, pertandingan terbuka boleh diadakan untuk belia yang mempunyai bakat tetapi tidak berpeluang menonjolkan bakat yang mereka peroleh hanya kerana program-program

sukan yang dianjurkan sebelum ini tidak dibangunkan secara serius dan tidak dinaiktaraf. Hal ini demikian kerana, jika setiap program yang dianjurkan tidak diperkukuh dengan baik, maka ia akan merugikan kedua belah pihak sama ada kerajaan negeri mahupun belia sendiri kerana belia adalah aset negara. Kesimpulannya, wajarlah para belia diberikan peluang untuk mengasah kemahiran agar mereka dapat mengharumkan nama negara di mata dunia.

Sekian, terima kasih.

Yang ikhlas,

**Ain Farhana**

**Ahli Sidang Muda 2018**

